1223/1
Pendidikan
Islam
Kertas 1
Ogos/Sept.
2012
2 jam

YAYASAN PERAK

JABATAN PELAJARAN NEGERI PERAK

PEPERIKSAAN PERCUBAAN SIJIL PELAJARAN MALAYSIA NEGERI PERAK 2012

PENDIDIKAN ISLAM

KERTAS 1

Dua jam

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi* **dua** *bahagian:* **Bahagian A** *dan* **Bahagian B.**

2. **Bahagian A** *mengandungi 40 soalan. Jawapan anda hendaklah menggunakan ruangan jawapan yang disediakan di halaman 11.*

3. **Bahagian B** *mengandungi* **empat** *soalan subjektif. Jawab* **tiga** *soalan:* **Soalan 1, Soalan 2** *dan mana-mana* **satu** *soalan berikut. Jawapan anda hendaklah ditulis dalam kertas jawapan yang disediakan.*

4. *Ceraikan kertas jawapan di halaman 11 daripada kertas soalan. Ikat kertas jawapan tersebut bersama-sama dengan kertas jawapan* **Bahagian B**.

Kertas soalan ini mengandungi 10 halaman bercetak dan 2 halaman tidak bercetak.

Muat turun (percuma) kertas soalan lain di :
www.myschoolchildren.com

Bahagian A

[40 *markah*]

Jawab **semua** *soalan*

Soalan 1 *hingga* **soalan 20**

Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan **A, B, C** *dan* **D. Hitamkan** *jawapan yang tepat pada ruangan jawapan yang disediakan.*

Encik Azhar telah menziharkan isterinya.

1 Berikut ialah kifarah yang boleh dikenakan terhadapnya **kecuali**

A memerdekakan seorang hamba
B berpuasa dua bulan berturut-turut
C bertaubat nasuha kepada Allah SWT
D memberi makan 60 orang miskin

2 Antara yang berikut yang manakah syarat sah tawaf?

A Dilakukan di dalam dan di luar Masjid al-Haram
B Menjadikan Baitullah di sebelah kanan ketika tawaf
C Melakukan pusingan tawaf di dalam Hijr Ismail
D Dimulakan pada penjuru Hajarul Aswad

Polis Diraja Malaysia telah membeli 3 ekor anjing pengesan.

3 Hukum jual beli tersebut ialah

A haram
B harus
C makruh
D tidak sah

Encik Murad telah menceraikan isterinya dengan talak tiga sekaligus.

4 Situasi di atas merujuk kepada talak

A bain
B raji
C bidi
D sunni

Muat turun (percuma) kertas soalan lain di :
www.myschoolchildren.com

5 Antara yang berikut, yang manakah benar mengenai perbandingan haji dan umrah?

	Haji	Umrah
I	Dilakukan pada masa tertentu	Boleh dilakukan pada bila-bila masa
II	Ada tawaf widak	Tiada tawaf widak
III	Dam dikenakan pada kesalahan haji sahaja	Tidak dikenakan dam
IV	Ada wukuf	Tiada wukuf

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

6 Antara yang berikut, yang manakah perkara-perkara yang membatalkan syarikat?

I Seorang rakan kongsi sakit tenat
II Hilang kelayakan seperti gila yang berterusan
III Syarikat dibatalkan oleh seorang rakan kongsi
IV Seorang daripada rakan kongsi berhijrah ke luar negara

A I dan II
B II dan III
C III dan IV
D I dan IV

7 Rajah di bawah menunjukkan susunan perpindahan hak hadhanah sekiranya ibu hilang kelayakan.



P dalam rajah di atas ialah

A bapa
B datuk
C saudara perempuan seibu
D saudara perempuan seibu sebapa

Seseorang wanita haram dikahwini disebabkan hubungan penyusuan.

8 Antara syarat pengharaman hubungan tersebut ialah

A mempunyai hubungan kekeluargaan
B umur kanak-kanak melebihi dua tahun
C wanita yang menyusukan itu telah berkahwin
D menyusu sekurang-kurangnya lima kali kenyang

Muat turun (percuma) kertas soalan lain di :
www.myschoolchildren.com

Ahmad seorang ahli perniagaan tidak mengeluarkan zakat perniagaannya kerana menganggap ianya merugikannya.

9 Pernyataan di atas merujuk kepada

A musyrik
B munafik
C kufur nikmat
D kufur hakikat

Kepercayaan dan perbuatan karut yang bertentangan dengan konsep tauhid dan syariat Islam.

10 Pernyataan di atas merujuk kepada pengertian

A sihir
B nifak
C syirik
D khurafat

11 Antara yang berikut yang manakah syarat-syarat taubat?

I Berhenti melakukan maksiat serta merta
II Menyesal terhadap maksiat yang dilakukan
III Berazam tidak melakukan maksiat lagi
IV Memperbanyakkan amal ibadat

A I, II dan III
B I, II dan IV
C I, III dan IV
D II, III dan IV

12 Akibat fitnah terhadap individu ialah

A melemahkan perpaduan
B menghalang pembangunan
C mengganggu ketenteraman jiwa
D menghilangkan sikap tolong menolong

13 Berikut ialah akibat riddah **kecuali**

A hubungan suami isteri terfasakh
B dikebumikan di perkuburan Islam
C haram menerima harta pusaka waris beragama Islam
D hartanya haram dipusakai oleh waris beragama Islam

14 Antara yang berikut yang manakah **tidak benar** mengenai pandangan Ahli Sunnah Wal Jamaah?

A Al-Quran bersifat qadim
B Al-Quran bukan makhluk
C Iman boleh bertambah dan berkurang
D Orang yang melakukan dosa besar adalah kafir

Muat turun (percuma) kertas soalan lain di :
www.myschoolchildren.com

- Menghapuskan jihad
- Mendakwa malaikat sebagai pancaindera Allah SWT

15 Pernyataan di atas merujuk kepada ciri kesesatan ajaran

A Qadiani
B Taslim
C Bahai
D Syiah

16 Diwan al-Kharaj pada zaman kerajaan bani Abbasiah dikaitkan dengan

A Jabatan Pentadbiran
B Jabatan Ketenteraan
C Jabatan Pendidikan
D Jabatan Hasil

- Memerangi golongan murtad
- Memerangi golongan nabi palsu

17 Pernyataan di atas ialah polisi pentadbiran

A Saidina Umar al-Khattab
B Saidina Abu Bakar al-Siddiq
C Saidina Usman bin Affan
D Saidina Ali bin Abi Talib

- Menghafaz 700,000 hadis
- Mempunyai pengetahuan yang mendalam dalam bidang ilmu hadis

18 Pernyataan di atas merujuk kepada tokoh

A Imam Malik rahimahullah
B Imam Ahmad bin Hanbal rahimahullah
C Imam Abu Hanifah rahimahullah
D Imam al-Syafie rahimahullah

19 Berikut ialah faedah rekreasi dari aspek sosiologi **kecuali**

A mewujudkan semangat kerjasama
B membentuk masyarakat sejahtera
C memantapkan kecergasan badan
D memupuk perpaduan umat

20 Tujuan utama menitikberatkan aspek penjagaan rohani pesakit ialah supaya

A mengingati Allah SWT
B memahami keperitan
C menjamin kesihatan
D memberi kerehatan

Muat turun (percuma) kertas soalan lain di :
www.myschoolchildren.com

Soalan 21 hingga Soalan 23

Isi tempat kosong dengan memilih jawapan yang disediakan dalam jadual di bawah.

dosa besar	dosa kecil	liwat	qazaf

21 Kesalahan yang dikenakan hukuman tertentu di dunia dan amaran azab di akhirat ialah pengertian bagi _____.

22 Menuduh seseorang yang baik melakukan zina tanpa empat orang saksi lelaki yang adil dikenali sebagai _____.

23 Hubungan jenis antara lelaki dengan lelaki ialah merujuk kepada _____.

Soalan 24 hingga Soalan 40

Isi tempat kosong dengan jawapan yang betul.

24 Perkara yang berkaitan dengan khalwat dan minum arak terletak di bawah bidang kuasa _____ dalam mahkamah syariah.

25 _____ ialah menziarahi Baitullah al-Haram kerana mengerjakan ibadat tertentu pada bila-bila masa mengikut syarat-syaratnya.



26 Q dalam rajah di atas ialah _____.

Encik Ismail membeli satu polisi insurans tetapi beliau tidak diberi maklumat berkenaan operasi perniagaannya.

27 Insurans tersebut bertentangan dengan syarak kerana mempunyai unsur _____.



28 **R** dalam rajah di atas ialah _____.

Muat turun (percuma) kertas soalan lain di :
www.myschoolchildren.com

29 Faedah atau pertambahan yang diperolehi kerana menangguhkan tempoh bayaran dinamakan sebagai _____.

30 Pengertian nifak ialah berpura-pura melahirkan keimanan sedangkan hatinya tetap _____ terhadap Allah SWT.

31 Mengikut hukum syarak seseorang yang melakukan perbuatan riddah akan menerima hukuman _____.

32 _____ ialah golongan yang menyokong cita-cita untuk melantik Saidina Ali karramallahuwajhah sebagai khalifah selepas kewafatan Rasulullah SAW.

33 Solat secara niat tanpa rukun qauli dan fili adalah antara ciri kesesatan ajaran _____.

- Laila Majnun
- Di bawah Lindungan Kaabah
- Menunggu Beduk Berbunyi

34 Pernyataan di atas merujuk kepada karya HAMKA dalam bidang _____.

35 Muhammad bin Musa al-Khawarizmi merupakan ilmuan pada zaman kerajaan Abbasiah yang terkenal dalam bidang _____.

36 Imam Malik rahimahullah adalah pengasas kepada mazhab _____.

37 Al-Risalah merupakan karya Imam al-Syafie dalam bidang _____.

38 Hukum menziarahi tiga buah masjid utama iaitu Masjid al-Haram, Masjid Nabawi dan Masjid al-Aqsa adalah _____.

39 Allah SWT mengurniakan _____ kepada manusia supaya menjadi makhluk yang istimewa berbanding dengan makhluk-makhluk yang lain.

40 Ketaatan kepada pemimpin adalah wajib selagi tidak disuruh melakukan _____.

Muat turun (percuma) kertas soalan lain di :
www.myschoolchildren.com

Bahagian B
[60 *markah*]

Jawab **tiga** soalan : **Soalan 1** *dan* **2** *dan mana-mana* **satu** *soalan berikut.*

1 (a) Menipu dan berbohong adalah kesalahan yang boleh merosakkan diri dan orang lain.

(i) Apakah maksud menipu? [2 *markah*]

(ii) Nyatakan contoh perbuatan menipu. [2 *markah*]

(iii) Terangkan akibat berbohong kepada masyarakat. [2 *markah*]

(b) Umat Islam dilarang mempelajari ilmu sihir.

(i) Nyatakan **dua** contoh sihir. [2 *markah*]

(ii) Jelaskan **dua** sebab amalan sihir dilarang Islam. [4 *markah*]

(iii) Bagaimanakah anda mengawal diri daripada terkena perbuatan sihir? [2 *markah*]

(c) Orang yang mendapat kemanisan iman mempunyai keperibadian yang tinggi.

(i) Apakah maksud kemanisan iman? [2 *markah*]

(ii) Jelaskan **dua** cara untuk mendapatkan kemanisan iman. [4 *markah*]

2 (a) Ibadat korban dilakukan untuk menghayati pengorbanan Nabi Ibrahim alaihissalam dan anaknya Nabi Ismail alaihissalam.

(i) Bilakah umat Islam disunatkan melakukan ibadat korban? [2 *markah*]

(ii) Nyatakan **dua** ciri binatang ternakan yang sah untuk dijadikan korban. [2 *markah*]

(iii) Jelaskan **dua** perbezaan antara korban dan akikah. [4 *markah*]

(b) Saksi merupakan salah satu daripada rukun nikah.

(i) Nyatakan **dua** syarat saksi nikah. [2 *markah*]

(ii) Jelaskan **dua** kepentingan saksi dalam perkahwinan. [4 *markah*]

(c) (i) Bilakah ibadat sai dikerjakan? [2 *markah*]

(ii) Jelaskan hikmah ibadat sai. [2 *markah*]

(iii) Puan Salmah melakukan ibadat sai dalam keadaan haid. Nyatakan hukum dan alasan bagi situasi di atas. [2 *markah*]

Muat turun (percuma) kertas soalan lain di :
www.myschoolchildren.com

3 (a) (i) Jelaskan **dua** dasar pentadbiran khulafa al-Rasyidin. [4 *markah*]

(ii) Jelaskan akibat sekiranya umat Islam membelakangkan kepimpinan khulafa al-Rasyidin. [2 *markah*]

(b) (i) Nyatakan **dua** sifat peribadi Imam Ahmad bin Hanbal rahimahullah yang boleh anda contohi untuk menjadi pelajar cemerlang. [2 *markah*]

(ii) Jelaskan **dua** sumbangan beliau kepada umat Islam. [4 *markah*]

(c) Islam telah menggariskan beberapa adab untuk diamalkan semasa berniaga.

(i) Jelaskan **dua** adab berniaga. [4 *markah*]

(ii) Terangkan **dua** faedah mengamalkan adab dalam aktiviti perniagaan. [4 *markah*]

4 (a) (i) Jelaskan fungsi utama ketenteraan pada zaman bani Abbasiah. [2 *markah*]

(ii) Terangkan **dua** faktor yang mendorong kejayaan tentera Islam kerajaan bani Abbasiah. [4 *markah*]

(b) Al-Sayyid Jamaluddin al-Afghani terkenal sebagai seorang pejuang Islam yang gigih.

(i) Namakan **dua** tempat yang beliau kunjungi untuk menyebarkan idea islahnya. [2 *markah*]

(ii) Jelaskan **dua** kesan islah yang dibawa oleh al-Sayyid Jamaluddin al- Afghani terhadap pemikiran umat Islam. [4 *markah*]

(c) Allah SWT menggalakkan umat Islam menginfakkan sebahagian hartanya kepada mereka yang memerlukannya.

(i) Apakah maksud sedekah? [2 *markah*]

(ii) Nyatakan **dua** adab bersedekah. [2 *markah*]

(iii) Terangkan **dua** kelebihan orang yang memberi sedekah. [4 *markah*]

KERTAS SOALAN TAMAT

Muat turun (percuma) kertas soalan lain di :
www.myschoolchildren.com

KERTAS JAWAPAN UNTUK BAHAGIAN A

NAMA:_____ TINGKATAN:_____

1.	A	B	C	D	21.	_____
2.	A	B	C	D	22.	_____
3.	A	B	C	D	23.	_____
4.	A	B	C	D	24.	_____
5.	A	B	C	D	25.	_____
6.	A	B	C	D	26.	_____
7.	A	B	C	D	27.	_____
8.	A	B	C	D	28.	_____
9.	A	B	C	D	29.	_____
10.	A	B	C	D	30.	_____
11.	A	B	C	D	31.	_____
12.	A	B	C	D	32.	_____
13.	A	B	C	D	33.	_____
14.	A	B	C	D	34.	_____
15.	A	B	C	D	35.	_____
16.	A	B	C	D	36.	_____
17.	A	B	C	D	37.	_____
18.	A	B	C	D	38.	_____
19.	A	B	C	D	39.	_____
20.	A	B	C	D	40.	_____

Untuk kegunaan Pemeriksa			
Kod Pemeriksa :			
Bahagian	Soalan	Markah Penuh	Markah Diperoleh
A	**1 hingga 40**	40	
B	**1**	20	
	2	20	
	3	20	
	4	20	
Jumlah		100	

Muat turun (percuma) kertas soalan lain di :
www.myschoolchildren.com

1223/2
Pendidikan
Islam
Kertas 2
Ogos/Sept.
2012
1 jam 40 minit

YAYASAN PERAK

JABATAN PELAJARAN NEGERI PERAK

PEPERIKSAAN PERCUBAAN SIJIL PELAJARAN MALAYSIA NEGERI PERAK 2012

PENDIDIKAN ISLAM

KERTAS 2

Satu jam empat puluh minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi* **lima** *soalan.*
2. *Jawab* **semua** *soalan*
3. *Jawapan anda hendaklah ditulis dalam* **kertas jawapan** *yang disediakan.*

Kertas soalan ini mengandungi 8 halaman bercetak.

Muat turun (percuma) kertas soalan lain di :
www.myschoolchildren.com

Jawab **Semua** *Soalan*

1 (a) Firman Allah SWT :

لَقَدْ جَآءَكُمْ رَسُولٌ مِّنْ أَنفُسِكُمْ عَزِيزٌ عَلَيْهِ مَا عَنِتُّمْ حَرِيصٌ عَلَيْكُم
بِٱلْمُؤْمِنِينَ رَءُوفٌ رَّحِيمٌ ﴿١٢٨﴾ فَإِن تَوَلَّوْا۟ فَقُلْ حَسْبِىَ ٱللَّهُ لَآ إِلَٰهَ إِلَّا هُوَ ۖ عَلَيْهِ
تَوَكَّلْتُ ۖ وَهُوَ رَبُّ ٱلْعَرْشِ ٱلْعَظِيمِ ﴿١٢٩﴾ (سورة التوبة : 128-129)

Ayat di atas menjelaskan sifat kasih sayang Rasulullah SAW terhadap umatnya.

(i) Nyatakan **dua** sebab rasul diutuskan daripada kalangan manusia. [2 *markah*]

(ii) Jelaskan bukti kasih sayang Rasulullah SAW kepada umatnya. [2 *markah*]

(iii) Terangkan **dua** pengajaran ayat yang boleh diamalkan dalam kehidupan seorang pelajar. [4 *markah*]

(b) Sabda Rasulullah SAW :

عَنْ عَبْدِ اللهِ بْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا قَالَ أَخَذَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ
بِمَنْكِبِي فَقَالَ كُنْ فِي الدُّنْيَا كَأَنَّكَ غَرِيبٌ أَوْ عَابِرُ سَبِيلٍ وَكَانَ ابْنُ عُمَرَ يَقُولُ
إِذَا أَمْسَيْتَ فَلاَ تَنْتَظِرِ الصَّبَاحَ وَإِذَا أَصْبَحْتَ فَلاَ تَنْتَظِرِ الْمَسَاءَ وَخُذْ مِنْ صِحَّتِكَ
لِمَرَضِكَ وَمِنْ حَيَاتِكَ لِمَوْتِكَ.

(رواه البخاري)

Berdasarkan hadis di atas,

(i) Nyatakan **dua** kelebihan menyegerakan sesuatu urusan. [2 *markah*]

(ii) Jelaskan teknik pengurusan masa yang efektif. [2 *markah*]

(iii) Terangkan amalan-amalan yang diperlukan untuk kehidupan di akhirat. [4 *markah*]

Muat turun (percuma) kertas soalan lain di :
www.myschoolchildren.com

(c) Susun semula potongan ayat di bawah mengikut tertib seperti dalam al-Quran. Anda dikehendaki menulis nombor sahaja

1	يَهْدِى ٱللَّهُ لِنُورِهِۦ مَن يَشَآءُ
2	وَٱللَّهُ بِكُلِّ شَىْءٍ عَلِيمٌ
3	نُّورٌ عَلَىٰ نُورٍ
4	وَيَضْرِبُ ٱللَّهُ ٱلْأَمْثَـٰلَ لِلنَّاسِ

(سورة النور : 35)

[4 *markah*]

2 (a) Firman Allah SWT :

قُل لِّلْمُؤْمِنِينَ يَغُضُّوا۟ مِنْ أَبْصَـٰرِهِمْ وَيَحْفَظُوا۟ فُرُوجَهُمْ ۚ ذَٰلِكَ أَزْكَىٰ لَهُمْ ۗ إِنَّ ٱللَّهَ
خَبِيرٌۢ بِمَا يَصْنَعُونَ ﴿٣٠﴾ وَقُل لِّلْمُؤْمِنَـٰتِ يَغْضُضْنَ مِنْ أَبْصَـٰرِهِنَّ وَيَحْفَظْنَ فُرُوجَهُنَّ
وَلَا يُبْدِينَ زِينَتَهُنَّ إِلَّا مَا ظَهَرَ مِنْهَا ۖ وَلْيَضْرِبْنَ بِخُمُرِهِنَّ عَلَىٰ جُيُوبِهِنَّ ۖ وَلَا
يُبْدِينَ زِينَتَهُنَّ إِلَّا لِبُعُولَتِهِنَّ أَوْ إِخْوَٰنِهِنَّ أَوْ بَنِىٓ إِخْوَٰنِهِنَّ أَوْ بَنِىٓ أَخَوَٰتِهِنَّ
أَوْ نِسَآئِهِنَّ أَوْ مَا مَلَكَتْ أَيْمَـٰنُهُنَّ ..... ﴿٣١﴾ (سورة النور : 30-31)

Dalam ayat di atas Allah SWT memerintahkan orang lelaki dan perempuan supaya menutup aurat.

(i) Nyatakan batas-batas aurat perempuan muslim dengan perempuan muslim. [2 *markah*]

(ii) Senaraikan **dua** golongan yang dibolehkan untuk diperlihatkan perhiasan wanita. [2 *markah*]

(iii) Jelaskan **dua** cara mengatasi perbuatan sumbang mahram yang berlaku dalam kalangan masyarakat hari ini. [4 *markah*]

Muat turun (percuma) kertas soalan lain di :
www.myschoolchildren.com

(b) Sabda Rasulullah SAW :

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ قَالَ، قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِنَّ اللهَ قَالَ مَنْ عَادَى لِي وَلِيًّا فَقَدْ آذَنْتُهُ بِالْحَرْبِ وَمَا تَقَرَّبَ إِلَيَّ عَبْدِي بِشَيْءٍ أَحَبَّ إِلَيَّ مِمَّا افْتَرَضْتُ عَلَيْهِ وَمَا يَزَالُ عَبْدِي يَتَقَرَّبُ إِلَيَّ **بِالنَّوَافِلِ** حَتَّى أُحِبَّهُ فَإِذَا أَحْبَبْتُهُ كُنْتُ سَمْعَهُ الَّذِي يَسْمَعُ بِهِ وَبَصَرَهُ الَّذِي يُبْصِرُ بِهِ وَيَدَهُ الَّتِي يَبْطِشُ بِهَا وَرِجْلَهُ الَّتِي يَمْشِي بِهَا وَإِنْ سَأَلَنِي لَأُعْطِيَنَّهُ وَلَئِنِ اسْتَعَاذَنِي لَأُعِيذَنَّهُ.

(رواه البخاري)

Berdasarkan hadis di atas,

(i) Apakah yang dimaksudkan dengan "An-Nawafil"? [2 *markah*]

(ii) Nyatakan **dua** kelebihan orang yang melakukan ibadat nawafil. [2 *markah*]

(iii) Terangkan **dua** pengajaran hadis yang dapat anda hayati dalam kehidupan. [4 *markah*]

(c)

A	B	C	D
يُشْرِكُون	وَٱلْأَرْض	ٱلْقُدُّوس	يُسَبِّح

Lengkapkan potongan ayat di bawah dengan pilihan jawapan iaitu A, B, C dan D yang betul daripada jadual di atas.
Anda hanya perlu menulis nombor soalan dan jawapan sahaja.

هُوَ ٱللَّهُ ٱلَّذِى لَآ إِلَٰهَ إِلَّا هُوَ ٱلْمَلِكُ ___(i)___ ٱلسَّلَٰمُ ٱلْمُؤْمِنُ ٱلْمُهَيْمِنُ ٱلْعَزِيزُ ٱلْجَبَّارُ ٱلْمُتَكَبِّرُ ۚ سُبْحَٰنَ ٱللَّهِ عَمَّا ___(ii)___ ﴿٢٣﴾ هُوَ ٱللَّهُ ٱلْخَٰلِقُ ٱلْبَارِئُ ٱلْمُصَوِّرُ ۖ لَهُ ٱلْأَسْمَآءُ ٱلْحُسْنَىٰ ۚ ___(iii)___ لَهُۥ مَا فِى ٱلسَّمَٰوَٰتِ ___(iv)___ ۖ وَهُوَ ٱلْعَزِيزُ ٱلْحَكِيمُ ﴿٢٤﴾

(سورة الحشر : 23-24)

[4 *markah*]

Muat turun (percuma) kertas soalan lain di :
www.myschoolchildren.com

3 (a) Firman Allah SWT :

قُل لَّآ أَقُولُ لَكُمْ عِندِى خَزَآئِنُ ٱللَّهِ وَلَآ أَعْلَمُ ٱلْغَيْبَ وَلَآ أَقُولُ لَكُمْ إِنِّى مَلَكٌ ۖ إِنْ أَتَّبِعُ إِلَّا مَا يُوحَىٰٓ إِلَىَّ ۚ قُلْ هَلْ يَسْتَوِى ٱلْأَعْمَىٰ وَٱلْبَصِيرُ ۚ أَفَلَا تَتَفَكَّرُونَ ﴿٥٠﴾

(سورة الانعام: 50)

Ayat di atas menerangkan bahawa Rasulullah SAW tidak mengetahui perkara ghaib melainkan setelah diwahyukan oleh Allah SWT.

(i) Nyatakan maksud perkara ghaib. [2 *markah*]

(ii) Jelaskan bahagian perkara ghaib beserta contoh. [2 *markah*]

(iii) Terangkan sebab manusia memerlukan pimpinan wahyu dan para rasul walaupun dikurniakan akal fikiran. [4 *markah*]

(b) Sabda Rasulullah SAW :

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ، قَالَ رَسُوْلُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: لاَ تَحَاسَدُوا وَلاَ تَنَاجَشُوا **وَلاَ تَبَاغَضُوا** وَلاَ تَدَابَرُوا وَلاَ يَبِعْ بَعْضُكُمْ عَلَى بَيْعِ بَعْضٍ وَكُونُوا عِبَادَ اللهِ إِخْوَانًا. الْمُسْلِمُ أَخُو الْمُسْلِمِ لاَ يَظْلِمُهُ وَلاَ يَخْذُلُهُ وَلاَ يَكْذِبُهُ وَلاَ يَحْقِرُهُ، التَّقْوَى هَهُنَا وَيُشِيْرُ إِلَى صَدْرِهِ ثَلاَثَ مَرَّاتٍ بِحَسْبِ امْرِىءٍ مِنَ الشَّرِّ أَنْ يَحْقِرَ أَخَاهُ الْمُسْلِمَ. كُلُّ الْمُسْلِمِ عَلَى الْمُسْلِمِ حَرَامٌ دَمُهُ وَمَالُهُ وَعِرْضُهُ.

(رواه مسلم)

Hadis di atas menerangkan sifat-sifat tercela yang boleh menghancurkan perpaduan masyarakat.

(i) Nyatakan maksud kalimah yang bergaris. [2 *markah*]

(ii) Jelaskan **dua** sebab Islam melarang mengamalkan sifat tercela tersebut. [2 *markah*]

(iii) Terangkan **dua** langkah untuk mengeratkan perpaduan masyarakat. [4 *markah*]

Muat turun (percuma) kertas soalan lain di :
www.myschoolchildren.com

(c) Soalan berikut diikuti dengan pilihan jawapan iaitu **A** dan **B**. Pilih jawapan yang betul daripada potongan kalimah tersebut supaya menjadi ayat yang lengkap seperti dalam al-Quran.Anda dikehendaki menulis nombor dan jawapan yang betul (**A** atau **B**) sahaja.

وَٱلَّذِينَ هُمْ لِلزَّكَوٰةِ (تُحَافِظُون) (فَعِلُون) **A** **B**	(i)
وَٱلَّذِينَ هُمْ (لِفُرُوجِهِمْ) (وَعَهْدِهِم) حَـٰفِظُونَ **A** **B**	(ii)
إِلَّا (ذَٰلِك) (عَلَىٰٓ) أَزْوَٰجِهِمْ أَوْ مَا مَلَكَتْ **A** **B**	(iii)
أَيْمَـٰنُهُمْ فَإِنَّهُمْ غَيْرُ (مَلُومِينَ) (خَـٰلِدُون) **A** **B**	(iv)

(سورة المؤمنون : 4-6)

[4 *markah*]

4 (a) Firman Allah SWT :

قُلْ إِنَّ صَلَاتِى وَنُسُكِى وَمَحْيَاىَ وَمَمَاتِى لِلَّهِ رَبِّ ٱلْعَـٰلَمِينَ ﴿١٦٢﴾ لَا شَرِيكَ لَهُۥ
وَبِذَٰلِكَ أُمِرْتُ وَأَنَا۠ أَوَّلُ ٱلْمُسْلِمِينَ ﴿١٦٣﴾ (سورة الانعام : 163-164)

Ayat di atas sunat dibaca pada setiap kali solat sebagai tanda penyerahan diri seorang hamba kepada Allah SWT.

(i) Apakah nama bacaan khusus yang mengandungi ayat di atas dalam solat? [2 *markah*]

(ii) Jelaskan **dua** tanggungjawab utama sebagai seorang muslim. [4 *markah*]

(iii) Terangkan **dua** pengajaran ayat. [4 *markah*]

Muat turun (percuma) kertas soalan lain di :
www.myschoolchildren.com

(b) Soalan berikut diikuti dengan pilihan jawapan iaitu **A** dan **B**. Pilih hukum tajwid yang betul bagi kalimah yang bergaris di bawah. Anda dikehendaki menulis nombor dan jawapan yang betul (**A** dan **B**) sahaja

No.	Potongan ayat al-Quran	Hukum Tajwid	
		A	B
(i)	مَٰلِكِ يَوۡمِ ٱلدِّينِ (سورة الفاتحة : 4)	Mad Lin	Mad Asli
(ii)	أُوْلَٰٓئِكَ عَلَىٰ هُدٗى مِّن رَّبِّهِمۡ (سورة البقرة : 5)	Idgham Maal Ghunnah	Idgham Bila Ghunnah
(iii)	وَلَهُمۡ عَذَابٌ عَظِيمٌ (سورة البقرة :7)	Izhar Halqi	Izhar Syafawi
(iv)	وَمَآ أَدۡرَىٰكَ مَا ٱلۡقَارِعَةُ (سورة القارعة: 3)	Alif Lam Syamsiah	Alif Lam Qamariah

[4 *markah*]

(c) Tuliskan semula petikan di bawah dalam tulisan jawi.

> Umat Islam hendaklah mempelajari ilmu fardu ain serta ilmu-ilmu berkaitan sains dan teknologi. Integrasi antara ilmu-ilmu ini akan menjadikan mereka umat yang maju dari segi material dan spiritual.

[6 *markah*]

5 (a) Firman Allah SWT :

> إِنَّمَا يُؤۡمِنُ بِـَٔايَٰتِنَا ٱلَّذِينَ إِذَا ذُكِّرُواْ بِهَا خَرُّواْ سُجَّدٗا وَسَبَّحُواْ بِحَمۡدِ رَبِّهِمۡ وَهُمۡ لَا يَسۡتَكۡبِرُونَ ۩ ﴿١٥﴾ تَتَجَافَىٰ جُنُوبُهُمۡ عَنِ ٱلۡمَضَاجِعِ يَدۡعُونَ رَبَّهُمۡ خَوۡفٗا وَطَمَعٗا وَمِمَّا رَزَقۡنَٰهُمۡ يُنفِقُونَ ﴿١٦﴾ (سورة السجده : 15-16)

Ayat di atas menyatakan tentang ciri-ciri orang yang beriman.

(i) Nyatakan **empat** ciri orang mukmin. [4 *markah*]

(ii) Terangkan sifat yang lahir hasil daripada pembangunan insan berteraskan keimanan. [4 *markah*]

(iii) Nyatakan perbezaan antara sujud sahwi dan sujud syukur. [2 *markah*]

Muat turun (percuma) kertas soalan lain di :
www.myschoolchildren.com

(b)

أَلَمْ يَرَوْا۟ كَمْ أَهْلَكْنَا مِن قَبْلِهِم مِّن قَرْنٍ مَّكَّنَّٰهُمْ فِى ٱلْأَرْضِ مَا لَمْ نُمَكِّن لَّكُمْ
وَأَرْسَلْنَا ٱلسَّمَآءَ عَلَيْهِم مِّدْرَارًا .....

(سورة الأنعام : 6)

Tuliskan **tiga** potongan kalimah daripada potongan ayat al-Quran di atas yang mengandungi hukum mim mati (مْ) dan nyatakan cara bacaannya.

[6 *markah*]

(c) Tulis semula pernyataan di bawah dalam tulisan rumi.

(i)	صفة چينتا كڤد اكام, بڠسا دان نكارا تيدق برمعنا تنڤا دڤادوكن دڠن كبرانين.
(ii)	ڤمباڠونن دان كماجوان سسبواه نكارا بركنتوڠ كڤد كستابيلن ڤوليتيک, ڤنديديقن دان ايكونومي.
(iii)	علمو دان كماهيرن مروڤاكن اسيت ترڤنتيڠ اونتوق مڠهادڤي ايرا كلوباليساسي كيني.
(iv)	جيوا يڠ برسماڠت, بردايا اينيسياتيف, كرياتيف دان اينووْاتيف مروڤاكن ڤكتور كچمرلڠن اومت إسلام.

[6 *markah*]

KERTAS SOALAN TAMAT

Muat turun (percuma) kertas soalan lain di :
www.myschoolchildren.com